

Memutuskan sama ada bayi anda perlukan pemeriksaan post-mortem

Takziah atas kedukaan anda.

Keputusan-keputusan yang anda buat setelah kematian bayi anda merupakan antara yang paling sukar dalam hidup anda.

Maklumat ini dikemukakan kepada anda bertujuan untuk membantu anda mempertimbangkan sama ada anda mahu membuat pemeriksaan post-mortem (juga dikenali sebagai autopsy) ke atas bayi anda. Matlamat kami adalah untuk memberikan anda maklumat yang jelas dan tepat bagi membantu anda membuat keputusan yang baik untuk anda, keluarga anda dan bayi anda berdasarkan maklumat yang tepat dan sahih.

Lembaran maklumat ini menerangkan khidmat yang kami tawarkan, butiran berkenaan pilihan-pilihan post-mortem yang boleh didapati, di mana ia diadakan dan bagaimana kami memastikan bayi anda sampai dengan selamat.

Sekiranya ada apa-apa yang anda kurang pasti, atau memerlukan butiran lanjut, sila jangan teragak-agak untuk bertanya kepada orang yang memberi lembaran maklumat ini kepada anda.

Penting bagi anda mempunyai semua maklumat yang diperlukan sebelum membuat Keputusan berkenaan post-mortem. Anda mungkin mahu membincangkan perkara ini dengan keluarga anda.

Anda juga mungkin mahu mendapatkan nasihat serta sokongan spiritual atau budaya, atau berbincang dengan ibubapa yang telah melalui situasi yang sama (sila lihat kod QR sumber kehilangan di mukasurat 4).

Siapakah Victorian Perinatal Autopsy Service [Khidmat Autopsi Perinatal Victoria]?

Victorian Perinatal Autopsy Service (VPAS) [Khidmat Autopsi Perinatal Victoria] menawarkan khidmat autopsy untuk kematian perinatal dalam komuniti di Victoria. Kematian perinatal termasuk keguguran dan kematian neonatal.

Keguguran berlaku bila bayi lahir dengan tidak lagi bernyawa setelah dikandung selama 20 minggu atau beratnya lebih dari 400g jika tempoh kandungan tidak diketahui. Kematian neonatal berlaku bila bayi meninggal dunia dalam tempoh 28 hari setelah dilahirkan.

VPAS ditubuhkan oleh Kerajaan Victoria dan merupakan usahasama antara Hospital Wanita Diraja, [Pusat] Kesihatan Monash, Hospital Mercy Wanita dan Penawar patologi mereka.

Kami bekerjasama rapat dengan hospital-hospital di Victoria bagi menyokong keluarga-keluarga yang mengalami kehilangan nyawa bayi mereka.

Kami menawarkan maklumat dan panduan kepada petugas hospital dan menyelaraskan permohonan pemeriksaan post-mortem susulan daripada kehilangan nyawa bayi.

Apakah yang dimaksudkan dengan post-mortem

Post-mortem merupakan pemeriksaan perubatan yang dijalankan ke atas mayat oleh pakar perubatan. Semua pemeriksaan post-mortem perinatal dihadiri oleh pakar patologi perinatal.

Mereka adalah doktor yang sangat mahir dan berpengalaman serta dilatih khusus untuk menjalankan post-mortems ke atas bayi.

Pemeriksaan post-mortem jenis apa sekalipun tidak akan dijalankan tanpa persetujuan anda. Keputusan anda mesti direkodkan dalam borang persetujuan pemeriksaan post-mortem VPAS.

Pemeriksaan akan dilakukan secepat mungkin setelah bayi anda meninggal dunia. Biasanya dalam beberapa hari bekerja.

Bayi anda akan sentiasa dijaga dengan rapi dan penuh hormat dari masa mereka dipindahkan ke tapak pakar, semasa pemeriksaan dan apabila ia dikembalikan ke pengarah pengkebumian pilihan anda.

Pemeriksaan post-mortem dan apa-apa ujian tambahan dibuat mengikut garis panduan Persatuan Perinatal Australia dan New Zealand (PSANZ).

Dalam keadaan tertentu, kematian bayi perlu dirujuk kepada koroner (pegawai siasatan kematian). Dalam situasi sebegini koroner bertanggungjawab mengatur siasatan post-mortem. Ini jarang berlaku dan akan dibincangkan dengan anda oleh petugas yang menjaga anda dan bayi anda.

Kenapa kami menawarkan post-mortem?

Apabila bayi meninggal dunia, kami menawarkan post-mortem

untuk memahami apa yang telah terjadi.

Bergantung kepada keadaan kehamilan anda, post-mortem mungkin boleh membantu mendapatkan maklumat penting berkenaan keadaan yang didiagnosis sebelum lahir dan punca kematian.

Ia juga memberi maklumat berharga untuk kehamilan seterusnya dan menyokong kajian mencegah keguguran dan kematian neonatal.

Mengapa ada jenis post-mortem yang berbeza?

Terdapat jenis post-mortem yang berbeza, setiap satunya memberi tahap keperincian yang berbeza. Lebih teliti pemeriksaan maka lebih tepatlah maklumat yang diperolehi.

Semua post-mortem termasuk mengambil gambar klinikal dan memeriksa plasenta. Ia juga mungkin termasuk ujian lain seperti sinar-X, imbasan MRI (yang memberikan imej dalaman terperinci), dan ujian untuk jangkitan serta keadaan genetik.

Post-mortem lengkap

Post-mortem yang lengkap melibatkan pemeriksaan luaran dan dalaman yang teliti kepada tubuh badan bayi

Semasa pemeriksaan dalaman, pakar pathologi biasanya akan membuat 2 bukaan (hirisan) dan memeriksa organ dalaman dan otak dengan penuh berhati-hati.

Sampel kecil tisu (persis biopsi) diambil untuk dianalisa dan disimpan. Sebarang tisu atau organ, termasuk otak, yang tidak diperlukan untuk diagnosis akan dikembalikan ke badan bayi anda kecuali anda meminta sebaliknya.

Sesudah pemeriksaan, hirisan akan ditutup semula dengan hati-hati, bayi anda boleh dipakaikan pakaian. Setelah dipakaikan pakaian dan topi, jahitan tidak akan kelihatan.

Post-mortem terhad

Dalam post-mortem terhad, hanya sebahagian dari post-mortem lengkap dijalankan.

Pakar pathologi akan memeriksa akan memeriksa secara teliti bahagian luar badan bayi anda. Kemudian, mereka akan melakukan pemeriksaan dalaman terhad kepada organ atau kawasan tertentu yang diputuskan bersama oleh anda dan doktor anda.

Misalnya, anda mungkin memilih untuk hanya membenarkan pemeriksaan bahagian luar dan organ dalam perut diperiksa secara dalaman. Atau, anda mungkin bersetuju untuk hanya mengambil sampel kulit untuk ujian genetik.

Sampel tisu kecil akan diambil untuk analisis dan disimpan.

Post-mortem luaran

Post-mortem luaran melibatkan pemeriksaan menyeluruh bahagian luar badan bayi anda. Tiada pemeriksaan dalaman, tiada irisan, dan tiada sampel tisu yang diambil.

Apa terjadi pada tisu dan organ sesudah?post-mortem ?

Selepas post-mortem, pakar patologi perinatal akan memeriksa kepingan kecil tisu di bawah mikroskop.

Sampel-sampel ini biasanya disimpan dalam blok lilin. Setelah diperiksa, blok-blok ini disimpan di jabatan patologi.

Pihak hospital diwajibkan oleh undang-undang untuk menyimpan sebarang tisu (blok lilin) yang diambil semasa post-mortem sekurang-kurangnya selama 25 tahun.

Sampel kecil tisu juga mungkin dibekukan dan disimpan untuk ujian yang anda dan doktor anda anggap perlu pada masa hadapan.

Semua tisu atau organ yang tinggal akan dikembalikan ke badan bayi anda. Namun, kadangkala jika bayi sangat kecil dan begitu juga organ dalamannya, keseluruhan organ mungkin perlu sebagai sampel yang memadai untuk diuji.

Jika anda mengizinkan hospital menggunakan sebarang tisu atau organ yang tinggal untuk penyelidikan dan pengajaran, harap maklum bahawa ini mungkin termasuk tisu dalam blok lilin, tisu segar, dan gambar klinikal. Bayi anda tidak akan dapat dikenalpasti daripada item-item ini.

Plasenta anda boleh dikembalikan kepada anda selepas pemeriksaan jika anda mahu. Pemeriksaan plasenta melibatkan pengambilan sampel kecil untuk diperiksa dan penggunaan formalin (sejenis bahan kimia untuk membantu memelihara plasenta).

Apakah kelebihan dan kekurangan?Post-mortem?

Kelebihan

Post-mortem mungkin boleh membantu:

- Memberi maklumat tentang punca kematian atau apa yang harus dikecualikan dari sebab kematian.
- Mengesahkan usia janin / jangka waktu kehamilan anda.
- Mengesahkan jantina bayi anda.
- Menganggar masa bayi anda meninggal dunia.
- Mengenalpasti kepentingan masalah genetic atau fizikal.
- Memberi maklumat tentang pertimbangan yang mungkin perlu bagi kehamilan akan datang.
- Menyediakan data dan maklumat untuk membantu penyelidikan mengenai kematian perinatal dan membantu keluarga serta bayi lain pada masa hadapan.

Kekurangan

- Post mortem tidak semestinya menemui punca kematian yang spesifik.
- Kadangkala ujian yang kompleks semasa post mortem mungkin bermakna bayi anda perlu disimpan lebih lama, dan ini boleh menyebabkan kelewatan dalam pengaturan pengkebumian. Anda boleh memutuskan sama ada untuk membenarkan ujian-ujian ini diteruskan, dan pasukan penjagaan kesihatan anda boleh memberitahu anda jangkamasa yang mungkin perlu.
- Selepas pemeriksaan dalaman, akan adanya jahitan pada badan bayi anda, namun jahitan ini tidak akan kelihatan apabila bayi anda berpakaian lengkap.
- Sesetengah keluarga perasan ada perbezaan rasa bayi mereka selepas pemeriksaan post mortem yang lengkap.

Dimanakah post-mortem dijalankan?

Di Victoria, pemeriksaan post-mortem dilakukan di salah satu daripada tiga tapak pakar, bergantung pada di mana bayi anda meninggal. Semua tapak ini terletak di Melbourne. Tapak-tapak tersebut adalah:

- Hospital Wanita Diraja, Parkville (Patologi Hospital Kanak-Kanak Diraja)
- Hospital Kebajikan (Mercy) untuk Wanita, Heidelberg (Patologi Austin)
- [Pusat] Kesihatan Monash, Clayton (Patologi Monash)

Pekerja yang menjaga anda akan memberitahu hospital mana yang akan memeriksa bayi anda.

Siapa yang akan mengambil bayi anda untuk pemeriksaan?

Kami mempunyai pasukan pengangkutan yang berpengalaman yang dilatih dalam penjagaan bayi.

Jika anda memutuskan untuk melakukan pemeriksaan post-mortem untuk bayi anda, kami akan menghantar pasukan kami ke hospital di mana bayi anda berada. Mereka akan memastikan bayi anda bersedia untuk perjalanan dan tiba dengan selamat untuk pemeriksaan.

Jika anda tinggal di kawasan perbandaran Victoria, kami akan uruskan bayi anda dikembalikan selepas pemeriksaan kepada pengarah pengkebumian yang anda pilih untuk membantu anda dengan upacara pengebumian.

Khidmat ini adalah percuma

Berapa masa yang perlu diambil untuk menjalankan post-mortem?

Pemeriksaan post-mortem bermula dengan ujian luaran seperti sinar-X atau MRI. Ujian-ujian ini dilakukan secepat mungkin tetapi mungkin mengambil masa beberapa hari, bergantung pada ketersediaan perkhidmatan tersebut.

Selepas ujian-ujian ini selesai, pemeriksaan dalaman yang melibatkan pembedahan boleh dijalankan. Pemeriksaan dalaman akan mengambil masa kira-kira tiga jam.

Kami faham pentingnya anda tahu berapa lama bayi anda akan berada dalam jagaan kami kerana ia mungkin memberi kesan kepada rancangan pengkebumian bayi anda.

Satu lagi perkara yang perlu dipertimbangkan ialah lokasi anda dan bayi anda. Jika anda berada di kawasan Victoria, kami perlu mengambil kira masa yang perlu diambil untuk menghantar bayi anda ke pakar patologi perinatal di Melbourne.

Petugas yang menjaga anda boleh berhubung dengan penyelarass VPAS untuk mendapat gambaran yang lebih tepat tentang bila bayi anda akan dikembalikan kepada anda.

Apa berlaku setelah post-mortem selesai?

Apabila pemeriksaan post-mortem telah disempurnakan kami akan menghubungi pengarah pengkebumian pilihan anda untuk membantu anda menguruskan pengkebumian.

Kami akan mengatur pemindahan bayi anda dengan selamat dan penuh hormat dari penjagaan kami ke penjagaan mereka.

Bolehkah anda melihat bayi anda selepas post-mortem?

Boleh. Sesetengah ibu bapa memilih untuk meluangkan masa bersama bayi mereka selepas pemeriksaan post-mortem, sama ada semasa bayi mereka di bawah jagaan pengarah pengkebumian atau, dalam sesetengah kes, di rumah.

Bilakah anda boleh mendapat keputusan post-mortem?

Setelah pemeriksaan post-mortem pakar pathologi perinatal akan menyediakan laporan terperinci berkenaan dapatan mereka. Laporan ini biasanya siap dalam masa 10 hingga 12 minggu, bergantung kepada ujikaji yang diperlukan dan jangkamasa yang perlu diambil untuk mendapatkan keputusan.

Laporan itu akan dihantar kepada doktor yang merawat anda dan bayi anda. Mereka akan menetapkan temujanji susulan dengan anda untuk membincangkan dapatan dari pemeriksaan post-mortem tersebut.

Berapakah kosnya?

Pemeriksaan post-mortem tidak melibatkan kos. Ia ditanggung oleh VPAS.

Kami juga akan menanggung kos pengangkutan bayi anda ke pemeriksaan di tapak pakar dan membawa pulang bayi dari lokasi perbandaran.

Bilakah anda perlu membuat keputusan?

Pasukan penjagaan kesihatan anda akan berbincang dengan anda mengenai pelaksanaan pemeriksaan post-mortem tidak lama selepas kematian bayi anda. Keputusan ini perlu dibuat secepat mungkin kerana kelewatan boleh mempengaruhi ketepatan hasil pemeriksaan.

Ambil masa bersama bayi anda dan keluarga anda untuk memilih apa yang anda rasakan terbaik untuk anda.

Lain-lain maklumat

Anda boleh mengimbas kod-kod QR berikut untuk mendapat maklumat berkenaan:

Autopsi Perinatal



Sumber-sumber bagi mereka yang kehilangan



Hubungi penyelarass VPAS sekiranya anda memerlukan butiran lanjut

T [1800 841 024](tel:1800841024)

E VPAC@thewomens.org.au

Waktu

Isnin–Jumaat

9:00 pagi hingga 5:00 petang.